

KHUTBAH JUMAAT

Sempena Maulidur Rasul ﷺ 1442H/ 2020M

“MENELADANI KEHIDUPAN RASULULLAH ﷺ”
(23 Oktober 2020M/ 6 Rabiulawal 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ .
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ

رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya : *Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Surah Aali Imran, ayat 31)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan

meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan menjelangnya sambutan Maulidur Rasul pada minggu hadapan, maka pada hari ini khatib mengajak agar kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: “***Meneladani Kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam***”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah ikutan terbaik dalam melaksanakan ibadah. Bagindalah manusia yang paling memahami wahyu dan kehendak Allah *subhanahu wata'ala*. Justeru, sewajarnya kita mengikut dan meneladani baginda *sallallahu alaihi wasallam* dalam ibadah kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mengajarkan kepada kita bahawa perkara yang sangat penting dalam amal ibadah ialah istiqamah, iaitu konsisten berterusan dalam melakukannya. Biarpun amalan hanya sedikit, namun, sedikit yang berterusan itu lebih baik daripada banyaknya amalan, tetapi tidak berterusan.

Seorang sahabat Nabi, Sufyan al-Thaqafi *radhiallahu anhu* pernah meminta kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* satu hadis yang lengkap mengenai Islam supaya dia tidak perlu bertanyakan kepada orang lain lagi. Lalu Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقِم))

Maksudnya: *Katakanlah: “Aku beriman kepada Allah”, kemudian beristiqamahlah.*

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah seorang yang sangat bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadah. Walaupun Baginda seorang yang maksum dan dijanjikan syurga oleh Allah *subhanahu wata'ala*, namun, Baginda tetap bersemangat dan bersungguh-sungguh melakukannya. Pernah suatu malam, Nabi *sallallahu alaihi wasallam* mengerjakan solat sehingga bengkak kakinya. Ketika ditanya oleh sayyidatina Aisyah, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* menjawab;

((أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا))

Maksudnya: *Bukankah selayaknya aku menjadi seorang hamba yang bersyukur ?*

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Walau bagaimanapun, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* mengajar kita agar berpeda-pada dalam melakukan apa sahaja dan tidak melampaui batas **kemampuan**, termasuk jugalah dalam hal ibadah. Pernah 3 orang sahabat menyatakan tentang keazaman mereka untuk bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah. Salah seorang daripada mereka mengatakan bahawa dia akan mengerjakan solat sepanjang malam, seorang lagi mengatakan bahawa dia akan berpuasa setiap hari dan seorang yang lain mengatakan bahawa

dia tidak akan berkahwin. Mendengar kata-kata itu, Anas Bin Malik *radhiallahu anhu* menceritakan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Demi Allah, aku adalah manusia yang paling takut dan bertaqwa kepada Allah, namun aku berpuasa dan aku berbuka, aku mengerjakan solat dan aku juga tidur, aku juga berkahwin dengan wanita. Sesiapa yang tidak suka sunnahku, maka dia bukanlah dari kalanganku.))

(Hadith riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Baginda Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* diutuskan kepada manusia bukan sahaja untuk menjelaskan soal ibadah kepada kita, bahkan baginda juga adalah contoh teladan yang terbaik dalam pergaulan sesama manusia.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sangat menitik beratkan soal kasih sayang dalam hubungan sesama manusia. Bahkan, Baginda turut menyatakan bahawa tidak sempurna iman seseorang itu sekiranya dia tidak mengasihi saudaranya sesama Islam. Hadis daripada Anas bin Malik *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah ia mengasihi untuk saudaranya apa yang ia kasihi untuk dirinya sendiri.))

(Hadith riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Dalam kehidupan seharian kita, pastinya kita tidak akan terlepas daripada bersembang dan berbicara bersama kawan-kawan dan lain-lain. Namun, pernahkah kita terfikir untuk mengikut panduan dan akhlak Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam hal ini?

Baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* hanya berbicara mengenai perkara-perkara yang penting sahaja. Abu Hurairah *radhiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ))

Maksudnya: *Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia berkata-kata yang baik sahaja, ataupun diam.*

(Hadith Muttafaq Alaih)

Namun, terdapat sebilangan kecil dalam kalangan kita mereka yang secara tidak sengaja kurang mempedulikan halal dan haram, adab dan akhlak dalam berbicara dan bersembang. Oleh itu, wajar bagi kita untuk bersama-sama mengambil peringatan bahawa azab di neraka kelak banyak disebabkan oleh kelalaian manusia dalam perkara menjaga lidah atau tutur kata.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati dan memahami perkara-perkara berikut;

Pertama : Umat Islam hendaklah menzahirkan kecintaan kepada Rasulullah صلى الله عليه وسلم dan menjadikan Rasulullah *sallallahu alaihi*

wasallam sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam setiap aspek kehidupan.

Kedua : Memastikan amal ibadah dan tingkah laku berpandukan ajaran Islam sebenar yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ.

Ketiga : Semua amal ibadah hendaklah dilakukan dengan istiqamah dan berterusan.

Keempat : Umat Islam hendaklah menambah dan meningkatkan ilmu-ilmu pengetahuan melalui guru-guru yang muktabar dan bertauliah serta menyampaikan ilmu yang sebenarnya.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya : *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.